



GARIS PANDUAN AMALAN PENGUBATAN ISLAM

SEPTEMBER 2011



Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari
Kementerian Kesihatan Malaysia

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN
AMALAN PENGUBATAN
I S L A M

SEPTEMBER 2011



Penerbitan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari

Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari © 2011

<http://tcm.moh.gov.my>

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Cetakan pertama September 2011

ISBN 978-967-10715-1-9

Diterbit oleh:

Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari
Cawangan Amalan & Pendaftaran
Blok E, Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur

Tel : 03 - 2279 8106

Faks : 03 - 2279 8209

Kata-kata Aluan	i
Penghargaan	ii
1. Pendahuluan	1
2. Objektif Dokumen	1
3. Definisi Istilah-istilah	2
4. Konsep Pengamalan Dalam Pengubatan Islam	
4.1. Konsep Asas	6
4.2. Ciri-ciri Pengamal Pengubatan Islam	6
5. Kaedah Rawatan	
5.1. Skop Pengubatan Islam	7
5.2. Rawatan Umum	8
5.3. Rawatan Khusus	9
6. Piawaian Amalan	
6.1. Piawaian Umum	11
6.2. Dokumentasi	12
6.3. Protokol Kecemasan	12

7.	Etika dan Profesionalisma	
7.1.	Sebelum Merawat	13
7.2.	Semasa Merawat	13
7.3.	Selepas Merawat	14
8.	Larangan-larangan Dalam Pengubatan Islam	
8.1.	Sumber Ambilan	14
8.2.	Perawat	15
8.3.	Cara Merawat dan Kaedah Rawatan yang Digunakan	15
8.4.	Bahan-bahan Rawatan	16
9.	Kesimpulan	16
10.	Lampiran	
10.1.	Lampiran A: Akta Perubatan 1971	17
10.2.	Lampiran B: Senarai Peralatan Perubatan	19
10.3.	Lampiran C: Contoh Borang Keizinan Perawatan	20
11.	Rujukan	21

Kata-kata Aluan



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Syukur kepada hadrat Allah S.W.T. kerana dengan kurnia-Nya, Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari telah berjaya menghasilkan buku Garis Panduan Pengubatan Islam ini yang bertujuan sebagai panduan kepada umat Islam, khususnya mereka yang terlibat dengan amalan Pengubatan Islam, supaya terhindar daripada amalan yang bertentangan dengan aqidah dan syariat Islam yang sebenar.

Di dalam Islam, memang terdapat kaedah-kaedah perubatan tertentu sepertimana yang dilaksanakan oleh Rasullullah s.a.w. dan para sahabat baginda. Kaedah-kaedah perubatan ini adalah dengan menggunakan doa-doa, dan ayat-ayat Al-Quran serta amalan-amalan tertentu, bagi mengubati penyakit-penyakit. Walaubagaimanapun, dewasa ini didapati terdapat banyak ajaran dan amalan-amalan yang bercanggah dengan aqidah dan syariat Islam. Kebanyakan amalan-amalan ini yang tidak berasaskan sumber Al-Quran atau Hadis, mahupun amalan-amalan yang mana asalnya adalah dari sumber yang sahih, tetapi telah disalah tafsirkan oleh golongan tertentu, perlulah ditolak.

Penghasilan buku Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam ini bukanlah bertujuan untuk menutup periuk nasi atau punca rezeki golongan tertentu, tetapi ia bertujuan untuk memelihara kesucian dan keagungan agama Islam bagi menjamin masa hadapan generasi akan datang.

Saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua individu serta badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan yang telah bekerjasama bagi memastikan terbitan ini menjadi kenyataan. Setinggi-tinggi penghargaan terutamanya kepada Dato' Dr. Haron Din dan Dato' Ismail Kamus atas bimbingan yang diberikan.

Sekian, Wassalam.

Dr Ramli Abd. Ghani

Pengarah

Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari

Kementerian Kesihatan Malaysia

Penghargaan

Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada individu-individu, agensi-agensi kerajaan terutamanya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), juga agensi-agensi bukan kerajaan iaitu Darussyifa', Darussalam serta YASHFEIN, yang telah bertungkus lumus mengumpul maklumat serta mengadakan perbincangan untuk mendapatkan keputusan majoriti, bagi memastikan kejayaan dalam menghasilkan garis panduan ini.

1. Pendahuluan

- 1.1. Kaedah Pengubatan Islam merupakan satu cabang usaha seorang pesakit dalam mencari kesembuhan penyakit serta permasalahan emosi atau rohani yang sedang dihidapi. Walaubagaimanapun, ia bukanlah bertujuan untuk mengambil alih peranan rawatan alopati, tetapi merupakan pelengkap bagi rawatan yang diterima. Ia juga sebagai rawatan alternatif untuk meneruskan ikhtiar, sambil berusaha bagi pesakit yang masih juga belum sembuh setelah berusaha melalui mana-mana kaedah rawatan perubatan.
- 1.2. Pengubatan Islam adalah satu usaha dalam merawat penyakit yang berasaskan wahyu Ilahi yang diambil dari petunjuk Al-Quran dan As-Sunnah, yang juga dikenali sebagai Pengubatan Nabi Muhammad SAW. Ia merupakan satu ibadah bagi seorang Muslim yang mencari keredhaan Allah SWT. Allah SWT menyuruh setiap hambaNya berusaha mencari penawar bagi setiap penyakit yang dihidapi.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan kami turunkan daripada Al-Quran sesuatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan Al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim selain kerugian.”

(Surah Al-Isra' : 82)

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Berubatlah wahai hamba Allah, sesungguhnya Allah tidak menurunkan penyakit melainkan (bersamanya) diturunkan ubat. Diketahui oleh orang yang berusaha mencarinya dan tidak diketahui oleh orang yang jahil (tidak berbuat apa-apa).”

(Hadis riwayat Abu Daud dan Al-Tarmizi)

2. Objektif Dokumen

Tujuan dokumen ini disediakan adalah sebagai panduan bagi pengamal Pengubatan Islam di Malaysia dalam usaha mereka untuk merawat pesakit. Ia merupakan satu usaha kerajaan untuk mengelakkan kekeliruan dan penyelewangan akidah umat Islam di Malaysia, dengan menggariskan secara jelas ciri-ciri Pengubatan Islam yang sebenar.

3. Definisi Istilah-istilah

3.1. Pengobatan Islam

Satu ikhtiar penyembuhan penyakit jasmani dan rohani, oleh seorang Islam yang mahir dalam kaedah rawatan dengan menggunakan ayat-ayat Al-Quran atau hadis, atau amalan salaf al-soleh, dan ulamak muktabar, atau kesemuanya sekali serta menggunakan kaedah-kaedah atau bahan-bahan yang dibenarkan syarak.

3.2. Ruqyah

Doa yang berasaskan ayat-ayat Al-Quran dan hadis, yang bertepatan dengan syarak bagi tujuan pengubatan dan kesejahteraan atau kebaikan.

3.3. Penyakit jasmani atau fizikal

Penyakit jasmani atau fizikal ialah jenis penyakit yang telah di kenalpasti oleh pengamal Perubatan Alopati.

3.4. Penyakit rohani

Penyakit yang tidak dapat dipastikan penyebabnya walaupun telah berjumpa dengan pengamal Perubatan Alopati seperti kemurungan yang melampau, was-was, baran yang melampau, resah, *anxiety* dan lain-lain.

3.5. Penyakit qolbu

Penyakit-penyakit atau sifat-sifat mazmumah yang ada dalam hati manusia seperti takabbur, hasad, dengki, riak dan sebagainya.

3.6. Gangguan makhluk halus

Satu bentuk gangguan terhadap pesakit dari segi perasaan, kesihatan, dan tingkah lakunya dengan gejala dan tanda yang mana puncanya tidak dapat dikesan oleh Perubatan Alopati.

3.7. Makhluk halus

Sebahagian daripada makhluk Allah SWT seperti jin dan syaitan yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar.

3.8. Sihir/santau

Satu ilmu yang menghasilkan kesan luar biasa yang tidak dapat diterangkan puncanya secara logik, yang terhasil melalui penglibatan jin, syaitan dan iblis dengan menggunakan peralatan dan kaedah yang tertentu.

3.9. Jampi

Kata-kata, seruan, mentera dan serapah yang diucapkan dan bercanggah dengan syarak untuk tujuan penyembuhan penyakit atau lain-lain (contohnya untuk memuja jin dan roh-roh jahat).

3.10. Azimat/tangkal/wafak

Bahan-bahan seperti tulisan, rajah, huruf-huruf, simbol, nombor-nombor atau bahan dari alam semula jadi seperti bahagian-bahagian daripada tumbuhan, kain, anggota haiwan, batu, logam dan lain-lain yang dipakai atau disimpan dengan berkeyakinan dapat memberi kesan kepada penggunanya.

3.11. Bedah batin

Prosedur atau amalan pembedahan yang berlawanan dengan prosedur pembedahan dalam Perubatan Alopati.

3.12. Ilmu hitam

Ilmu hitam adalah salah satu daripada ilmu sihir.

3.13. Menurun

Satu upacara pemujaan yang melibatkan penyerapan makhluk halus ke dalam tubuh bagi sebarang tujuan.

3.14. Jin

Makhluk Allah yang diciptakan daripada api yang juga dikenali sebagai khadam, qarín, syaitan, iblis, hantu, rijalul ghaib dan lain-lain.

3.15. Pengeras

Sesuatu bahan atau bayaran yang ditetapkan sebagai syarat untuk rawatan.

3.16. Sumpah/ikrar/taat setia/bai'ah

Kata-kata, lafaz, pengakuan, jaminan yang bertujuan untuk kebaikan atau keburukan.

3.17. Penunggu

Makhluk halus yang menjaga sesuatu.

3.18. Saka

Makhluk halus yang diwarisi dari keturunan secara rela atau tidak.

3.19. Al-Ain

Sejenis gangguan syaitan yang berpunca daripada pandangan mata yang dengki dan sebagainya.

3.20. Histeria

Satu bentuk gangguan makhluk halus yang mengakibatkan gangguan emosi dan kelakuan yang tidak dapat dikawal.

3.21. Sampuk

Gangguan kesihatan akibat rasukan makhluk halus.

3.22. Pengijazahan

Satu pengiktirafan kepada perawat untuk mengamalkan ilmu yang diterima daripada guru.

3.23. Peralatan perubatan alopati

Peralatan yang telah didaftarkan sebagai alat perubatan, digunakan semasa prosedur diagnostic, klinikal atau pembedahan dan dilakukan oleh Pengamal Perubatan Alopati.

3.24. Steril (sucihama)

Keadaan peralatan yang telah dibersihkan mengikut piawaian.

3.25. Disinfeksi (nyahkuman)

Prosedur pembersihan peralatan menggunakan bahan nyahkuman (antiseptik).

3.26. Scan / imbasan penyakit / *bahth* atau *fahs*

Satu kaedah mengenalpasti punca penyakit dengan kaedah-kaedah yang tidak menyalahi syarak. Contoh kaedah yang menyalahi syarak adalah seperti menilik, meramal dan yang seumpama dengannya.

3.27. Diagnosa (diagnosis)

Proses menentukan jenis penyakit.

3.28. Tawassul

Bermohon pertolongan dari Allah SWT dengan syafaat Nabi Muhammad SAW dan keberkatan orang-orang yang soleh.

3.29. Salaf al soleh

Golongan ulama di kalangan para sahabat, tabii, dan tabii tabiin yang meliputi kata-kata, perbuatan dan hukum hakam yang lahir pada zaman-zaman tersebut.

3.30. Ulamak muktabar

Ulama yang pendapatnya diterima oleh arus perdana Islam, pandangan yang tidak terpengil dan bersumberkan Al-Quran, sunnah, ijmak, qiyas, dan sumber-sumber Islam yang lain pada sesuatu zaman.

3.31. Mukjizat

Suatu perkara luar biasa (yang mencarik atau berlawanan adat) yang dikurniakan oleh Allah SWT hanya kepada para Nabi dan RasulNya, yang bersifat hakiki dan betul-betul terjadi pada waktu yang tertentu, ia yang mesti ditunjukkan kepada umatnya sebagai bukti kenabian dan kerasulan mereka.

3.32. Karamah

Suatu perkara luar biasa yang dikurniakan oleh Allah kepada orang yang soleh yang dikasihi Allah, yang bersifat hakiki dan betul-betul terjadi pada waktu tertentu secara mendadak semasa hidupnya, tetapi tidak boleh diprogramkan dan dipertontonkan kepada orang lain dan ianya khusus sebagai tanda kemuliaan yang diberikan kepada golongan yang taat kepadaNya.

3.33. Maunah

Suatu perkara luar biasa yang berupa pertolongan yang dikurniakan oleh Allah kepada orang-orang tertentu, yang bersifat hakiki dan betul-betul terjadi pada waktu itu dengan tujuan untuk menambahkan lagi keyakinannya kepada Allah dan tidak wajar diperhebahkan.

3.34. Istidraj

Suatu perkara luar biasa yang dikurniakan Allah dalam keadaan murka kepada orang fasik atau orang yang selalu membuat maksiat, yang bersifat hakiki dan betul-betul terjadi dan boleh berterusan, dengan tujuan untuk menambahkan lagi kesesatannya.

3.35. Silap mata

Perkara luar biasa yang boleh dipelajari tetapi tidak dituntut oleh syarak, berlaku sama ada secara helah, tipu daya atau sihir dengan tujuan/niat memperdayakan orang lain.

3.36. Kasyaf/Ilham/Laduni

Penyingkapan rahsia-rahsia alam ghaib melalui pandangan mata hati. Ia termasuk karamah yang menarik adat yang dikurniakan kepada wali Allah SWT dan mestilah tidak bercanggah dengan kaedah agama dan hukum syarak yang telah disepakati.

3.37. Kahanah

Orang yang boleh meramal perkara yang akan berlaku atau mengkhabarkan perkara-perkara ghaib dan apa yang tersirat dalam hati dengan pertolongan makhluk halus.

3.38. Arraf

Mendakwa mengetahui perkara-perkara tertentu dengan beberapa pendahuluan atau petanda seperti mengetahui kecurian, tempat kehilangan dan tempat sesuatu benda.

3.39. Tanasukh al-Arwah

Proses berkomunikasi dengan roh-roh si mati yang didakwa para wali bagi tujuan pengubatan.

4. Konsep Pengamalan Dalam Pengubatan Islam

4.1 Konsep Asas

Penyembuhan penyakit adalah daripada Allah SWT.

4.2 Ciri-ciri Pengamal Pengubatan Islam

Seorang pengamal Pengubatan Islam perlulah mempunyai ciri-ciri berikut:

- 4.2.1 Beragama Islam, aqil dan baligh, serta memahami dan mengetahui ilmu asas Islam merangkumi aspek aqidah, syariat dan akhlak, dan sentiasa bertaqwa.
- 4.2.2 Pengamal pengubatan perlulah jelas bacaannya serta memahami dan mengetahui apa yang diucapkannya.
- 4.2.3 Tidak melakukan perkara-perkara yang boleh membawa kepada syirik.
- 4.2.4 Tidak melakukan maksiat, jenayah dan apa sahaja yang bertentangan dengan undang-undang negara.

- 4.2.5 Ikhlas, iaitu mengerjakan sesuatu semata-mata kerana Allah SWT, bukan kerana untuk menunjuk-nunjuk, mendapat ganjaran kebendaan dan sebagainya.
- 4.2.6 Ketahanan jiwa dan rohani, iaitu mempunyai kepercayaan penuh dan melakukan amalan-amalan tertentu mengikut kehendak dan tuntutan Rukun Iman.
- 4.2.7 Benteng pertahanan diri, iaitu amalan-amalan yang berupa bacaan-bacaan dan doa untuk memperkuat ketahanan diri, mental dan fizikal.
- 4.2.8 Setiap pengalaman dan pengubatan yang dilakukan perlulah merujuk kepada kitab Al-Quran, Hadis, Ijmak Ulama dan Qias, iaitu pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah
- 4.2.9 Pembayaran di atas perkhidmatan boleh diambil mengikut kos pengubatan, tetapi tidak membebankan pesakit.
- 4.2.10 Tidak mengambil kesempatan ke atas pesakit.

5. Kaedah Rawatan

5.1. Skop Pengubatan Islam

- 5.1.1. Penggunaan bacaan doa untuk jenis penyakit:
Ayat-ayat rawatan hendaklah berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah, serta doa-doa dalam bahasa yang difahami maknanya.
- 5.1.2. Kaedah rawatan:
 - 5.1.2.1. Kaedah yang dibenarkan;
 - i. Minum
 - ii. Sapu
 - iii. Mandi
 - iv. Renjis
 - v. Tepuk
 - vi. Kaedah lain yang tidak memudharatkan dan tidak menzalimi pesakit,serta dilakukan secara berhikmah.

- 5.1.2.2. Kaedah yang tidak dibenarkan;
 - i. Bedah batin
 - ii. Perbuatan yang memudharatkan atau menzalimi pesakit
 - iii. Mana-mana kaedah yang bercanggah dengan hukum syarak

5.1.3. Peralatan/bahan:

- 5.1.3.1. Peralatan yang dibenarkan;
 - i. Air
 - ii. Herba seperti limau, daun-daun, habbatussauda', zaitun.
 - iii. Madu
 - iv. Bekam
 - v. Garam
 - vi. Bahan yang suci dan halal menurut syarak

5.1.3.2. Peralatan yang tidak boleh digunakan;

- i. Peralatan tajam seperti keris
- ii. Peralatan yang memudaratkan seperti besi panas

5.2. Rawatan Umum

5.2.1. Rawatan umum merupakan kaedah-kaedah atau amalan-amalan yang boleh dilakukan oleh pengamal Pengubatan Islam atau pesakit itu sendiri.

5.2.2. Ia boleh terdiri daripada bacaan ayat-ayat Al-Quran, selawat, zikir, doa-doa dan istighfar. Amalan-amalan ini bertujuan untuk membina semangat serta keyakinan di dalam diri pengamal dan juga pesakit dalam mencari penawar atau kesembuhan.

5.2.3. Kaedah rawatan umum;

5.2.3.1. Kekuatan psikologi/fikiran/mental

Pengamal perlulah memberi kekuatan mental serta semangat kepada pesakit dengan menunjukkan rasa simpati, kesungguhan dan keikhlasan ketika memberi rawatan serta layanan yang sama rata antara pesakit-pesakit yang dirawat.

5.2.3.2. Sambungan usaha perawatan oleh pesakit

Selain daripada doa-doa yang dibaca oleh pengamal, pesakit

juga perlu mengamalkan ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa tertentu, serta beribadat dalam usahanya untuk mengubati diri sendiri.

5.3. Rawatan Khusus

- 5.3.1. Rawatan khusus termasuk rawatan histeria, rawatan santau, mengeluarkan atau mematikan susuk dan rawatan resdung yang memerlukan ruang khas semasa sesi rawatan terutama yang melibatkan batasan aurat pesakit (Rujuk jadual 1).
- 5.3.2. Rawatan Bekam
 - 5.2.2.1. Rawatan perlulah dijalankan di dalam bilik khas.
 - 5.2.2.2. Prosedur perlu dilakukan dalam keadaan steril.
 - 5.2.2.3. Pengamal perlulah menggunakan peralatan yang telah disucihama mengikut piawaian yang ditetapkan.
 - 5.2.2.4. Setiap pengamal perlu memastikan sisa klinikal dibuang mengikut piawaian yang ditetapkan.

Kaedah Rawatan	Peralatan Yang Digunakan	Indikasi	Kontraindikasi	Langkah Berjaga-jaga
Tepuk	Menggunakan telapak tangan	a. Santau b. Mengurangkan kesakitan akibat batu karang c. Akibat sihir/dipukau	a. Tidak digalakkan dilakukan kepada pesakit yang mempunyai penyakit senang berdarah seperti Hemofilia. b. Tidak digalakkan bagi perempuan mengandung (yang terkena santau) c. Tidak digalakkan bagi pesakit yang mempunyai penyakit tulang rapuh seperti penyakit osteoporosis.	a. Sebelum rawatan dijalankan, pastikan pesakit tidak mempunyai penyakit senang berdarah atau tulang rapuh. b. Tidak menjalankan kaedah tepuk di bahagian yang boleh menyebabkan pendarahan dalam seperti dibahagian lutut bagi pesakit Hemofilia. c. Rawatan ini tidak digalakkan bagi pesakit yang mempunyai penyakit kulit sensitif atau mudah luka.
Pukul	Ranting pokok nona (<i>Annona squamosa</i>)	a. Gangguan makhluk halus b. Akibat sihir/dipukau		

Jadual 1: Indikasi, kontraindikasi, serta langkah berjaga-jaga bagi rawatan khusus.

6. Piawaian Amalan

6.1. Piawaian Umum

6.1.1. Bilik dan Premis rawatan:

6.1.1.1. Bilik rawatan haruslah;

- i. Mempunyai pencahayaan dan pengudaraan yang mencukupi.
- ii. Mempunyai satu sistem penyelenggaraan sisa domestik dan sisa klinikal yang mematuhi piawaian yang telah ditetapkan mengikut *Guidelines on Handling and Management of Clinical Wastes in Malaysia*, Jabatan Alam Sekitar, 2009, iaitu;
 - Sebarang sampah atau sisa domestik dibuang di dalam tong sampah khas yang berasingan daripada sisa klinikal.
 - Sampah yang tercemar dengan darah atau cecair daripada badan hendaklah dibuang ke dalam beg plastik biohazard.
 - Sebarang bahan kumbahan (*excreta*) atau cecair daripada badan hendaklah dibuang terus ke dalam tandas atau saliran yang bersambung terus ke sistem kumbahan.
- iii. Lantai bilik rawatan perlu dinyahkuman sekiranya menjalankan prosedur bekam.

6.1.1.2 Premis rawatan;

- i. Premis rawatan perlulah berada dalam keadaan yang bersih. Setiap pengamal pembedahan perlulah mengamalkan nilai-nilai kebersihan yang baik.
- ii. Pengamal yang mengiklankan perkhidmatan perlu mempunyai premis yang berdaftar dan dilesenkan oleh pihak berkuasa tempatan.
- iii. Memisahkan antara pesakit lelaki dan perempuan yang bukan mahram semasa sesi rawatan khusus.

6.1.2. Peralatan:

6.1.2.1. Sekiranya terdapat sebarang peralatan yang digunakan dalam perawatan, pengamal perlulah memastikan peralatan tersebut sentiasa berada dalam keadaan yang baik, bersih dan selamat untuk digunakan.

6.1.2.2. Peralatan yang terlibat dalam prosedur klinikal (bekam) perlu disucihama.

6.1.3. Kebersihan:

6.1.3.1. Pengamal perlulah mempunyai tahap kebersihan dan penampilan diri yang tinggi.

6.1.3.2. Setiap pengamal perlulah mengamalkan nilai-nilai kebersihan yang baik, serta pengurusan sisa klinikal seperti yang termaktub di dalam *Standard Precautions of Healthcare* dan *Guidelines on Handling and Management of Clinical Wastes in Malaysia* (Jabatan Alam Sekitar, 2009).

6.2. Dokumentasi

6.2.1. Rekod pesakit adalah rahsia.

6.2.2. Setiap sesi rawatan perlulah direkodkan.

6.2.3. Dapatkan dan rekodkan kebenaran perawatan sebelum memulakan sesi rawatan.

6.2.4. Pengamal tidak boleh mendedahkan rekod pesakit dan rekod perawatan pesakit tanpa mendapat kebenaran daripada pesakit terlebih dahulu.

6.3. Protokol Kecemasan

6.3.1. Perkhidmatan Perubatan Kecemasan haruslah dihubungi serta-merta sekiranya terdapat sebarang kecemasan ketika sesi rawatan. Maklumat lengkap mengenai situasi tersebut serta rawatan yang dijalankan haruslah diberitahu kepada pegawai Perkhidmatan Perubatan Kecemasan yang bertugas.

6.3.2. Rawatan kecemasan awal haruslah diberikan kepada pesakit yang memerlukan sementara menunggu ketibaan Perkhidmatan Perubatan Kecemasan.

7. Etika dan Profesionalisma

7.1. Sebelum Merawat

- 7.1.1. Memastikan pesakit dirawat di ruang yang bersesuaian iaitu pengamal perlu mempunyai premis khas untuk menjalankan rawatan.
- 7.1.2. Memohon izin daripada pesakit sebelum menjalankan rawatan.
- 7.1.3. Memohon izin daripada waris atau penjaga untuk merawat pesakit sekiranya berlainan jantina atau pesakit tidak mampu dari segi mental atau di bawah umur (kurang daripada 18 tahun).
- 7.1.4. Memastikan waris pesakit berada bersama pengamal dan pesakit sekiranya pesakit dan pengamal berlainan jantina.
- 7.1.5. Tidak dibenarkan menentukan dan mengumumkan makhluk halus atau benda ghaib yang mempengaruhi kesihatan pesakit.
- 7.1.6. Tidak dibenarkan mendakwa mendapat ilmu daripada mimpi.
- 7.1.7. Merekodkan daftar pesakit.
- 7.1.8. Memberi penerangan yang jelas tentang punca, kaedah rawatan dan kos.
- 7.1.9. Memastikan pesakit dan juga pengamal mengenakan pakaian yang menutup aurat.

7.2. Semasa Merawat

- 7.2.1. Memulakan sesi rawatan dengan bacaan doa atau ayat-ayat Al-Quran yang jelas, serta mengikut tertib.
- 7.2.2. Memastikan jenis penyakit yang hendak dirawat sama ada penyakit fizikal, qalbu atau gangguan makhluk halus/sihir.
- 7.2.3. Pengamal perlu berkomunikasi dengan berkesan semasa sesi rawatan.
- 7.2.4. Tidak dibenarkan menjalankan perkara yang di larang didalam Pengubatan Islam.

- 7.2.5. Perlu menjaga aurat pesakit semasa sesi rawatan dengan kadar yang munasabah.
- 7.2.6. Dibenarkan menggunakan hanya peralatan bekam yang telah disteril.
- 7.2.7. Tidak dibenarkan mengambil atau merakam gambar menggunakan peralatan audio-visual semasa sesi rawatan dijalankan kecuali dengan kebenaran pesakit.

7.3. Selepas Merawat

- 7.3.1. Tidak dibenarkan membekalkan azimat, tangkal atau susuk, samada daripada ayat Al-Quran atau bahan lain.
- 7.3.2. Tidak dibenarkan mensyaratkan 'pengeras' untuk sesuatu rawatan.
- 7.3.3. Memberi nasihat kepada pesakit mengikut jenis rawatan yang diterima.

8. Larangan-larangan Dalam Pengubatan Islam

Perawat Pengubatan Islam adalah ditegah sama sekali daripada mengamalkan penggunaan bahan-bahan dan amalan-amalan yang bercanggah dengan hukum-hukum Islam, serta boleh membawa kepada syirik dan fitnah (termasuklah penggunaan terma-terma yang boleh mengelirukan masyarakat umum). Berikut adalah perkara-perkara yang dilarang sebagai perawat:

8.1. Sumber Ambilan dan Bacaan

- 8.1.1. Menyalahgunakan ayat Al-Quran dalam perawatan, seperti;
 - 8.1.1.1. Menambah ayat Al-Quran
 - 8.1.1.2. Mengurangkan ayat Al-Quran
 - 8.1.1.3. Menterbalikkan susun atur ayat Al-Quran
- 8.1.2. Menggunakan kitab Al-Quran dengan cara yang tidak wajar, seperti menggantung Al-Quran dan menunggunya berpusing atau tidak untuk dijadikan alasan tertentu bagi sesuatu;
- 8.1.3. Menggunakan lafaz-lafaz dan perkataan yang kurang jelas ertinya, serta tidak sah sebutannya;

- 8.1.4. Menggunakan azimat, tangkal atau susuk, samada daripada ayat Al-Quran atau bahan lain;
- 8.1.5. Penggunaan wafak, kerana tanpa akidah yang sempurna, boleh menjerumuskan pengguna kepada syirik;
- 8.1.6. Mendakwa mendapat ilmu daripada mimpi, ilham, bisikan-bisikan dan kitab-kitab yang tidak sah sumbernya.

8.2. Perawat

- 8.2.1. Mendakwa dirinya kasyaf, dapat mengetahui dan melihat perkara-perkara ghaib;
- 8.2.2. Pengijazahan hanya melalui cakera padat, buku, internet, atau apa sahaja cara tanpa berguru.

8.3. Cara Merawat dan Kaedah Rawatan yang Digunakan

- 8.3.1. Sebarang kaedah rawatan yang meragukan seperti melakukan rawatan di dalam bilik yang gelap.
- 8.3.2. Menjalankan pembedahan batin yang dilakukan secara ghaib yang batil dan/atau dengan bantuan makhluk halus atau secara makrifat.
- 8.3.3. Menggunakan kemenyan sebagai perantara, serta mengamalkan perbuatan 'menurun' dan menyemah (semah: perbuatan yang dilakukan untuk menjamu makhluk halus dengan cara-cara tertentu).
- 8.3.4. Mendakwa dapat menentukan jumlah jin atau makhluk halus yang mengganggu dan menangkap serta membuang atau memindahkan jin atau makhluk halus tersebut;
- 8.3.5. Perbuatan atau kaedah yang mendatangkan keraguan atau bersifat menghina agama Islam.
- 8.3.6. Menggunakan ilmu hitam atau sihir sebagai media perawatan.
- 8.3.7. Meminta pertolongan makhluk halus dalam rawatan.

- 8.3.8. Perbuatan merawat premis dengan menggunakan perkara-perkara dan kaedah-kaedah yang dilarang Islam.

8.4. Bahan-bahan Rawatan

Penggunaan bahan yang dilarang adalah daripada yang;

- 8.4.1. Haram dan Najis
 - 8.4.1.1. Darah
 - 8.4.1.2. Bangkai
 - 8.4.1.3. Khinzir
 - 8.4.1.4. Anjing
 - 8.4.1.5. Cecair memabukkan atau arak

- 8.4.2. Bahan yang dikaitkan dengan sihir
 - 8.4.2.1. Minyak dagu
 - 8.4.2.2. Minyak pengasih
 - 8.4.2.3. Minyak senyonyong
 - 8.4.2.4. Nasi tangas
 - 8.4.2.5. Minyak cenuai

- 8.4.3. Bahan yang dikaitkan pemujaan
 - 8.4.3.1. Kain kapan
 - 8.4.3.2. Tanah kubur
 - 8.4.3.3. Pakaian harian
 - 8.4.3.4. Keris, pedang atau alat senjata lama
 - 8.4.3.5. Tulang-belulang manusia atau binatang
 - 8.4.3.6. Rambut

9. Kesimpulan

Dokumen ini bertujuan sebagai panduan dan rujukan standard untuk pengamal-pengamal Pengubatan Islam di Malaysia. Walaubagaimanapun, keputusan akhir mengenai kesesuaian rawatan harus dilakukan oleh pengamal berdasarkan data yang diperolehi daripada pesakit. Garispanduan ini dibentuk berdasarkan perbincangan bersama antara pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga pengamal-pengamal Pengubatan Islam di Malaysia, berpandukan bahan-bahan rujukan yang sedia ada pada masa penerbitan ini dibentuk. Dokumen ini akan di perbaharui dari masa ke masa mengikut keperluan serta perkembangan terbaru dalam bidang Pengubatan Islam.

Lampiran A: Akta Perubatan 1971**BAHAGIAN V
AM****Kesalahan-kesalahan**

33. (1) Seseorang yang tidak didaftarkan atau tidak dikecualikan daripada pendaftaran di bawah Akta ini yang

- (a) bersengaja dan secara palsu berpura-pura sebagai didaftarkan di bawah Akta ini atau sebagai berkelulusan untuk menjalankan amalan perubatan atau pembedahan; atau
- (b) bersengaja dan secara palsu memakai atau menggunakan nama atau gelaran seorang tabib, doktor perubatan, siswazah perubatan dan pembedahan, sarjana muda perubatan, pakar bedah, pengamal am atau apotekari; atau
- (c) bersengaja dan secara palsu memakai atau menggunakan sesuatu nama, gelaran, tambahan atau perihalan yang memberi faham bahawa dia didaftarkan di bawah Akta ini, atau bahawa dia diiktiraf di sisi undang-undang sebagai seorang tabib atau pakar bedah atau siswazah perubatan dan pembedahan, atau seorang pengamal dalam perubatan atau seorang apotekari; atau
- (d) bersengaja dan secara palsu memakai atau menggunakan sesuatu nama, gelaran, tambahan atau perihalan, atau menggunakan sesuatu alat, yang dimaksudkan untuk mendorong seseorang mempercayai bahawa dia berkelulusan untuk menjalankan amalan perubatan atau pembedahan mengikut kaedah-kaedah sains yang moden; atau
- (e) menjalankan amalan perubatan atau pembedahan; atau
- (f) menggunakan istilah “klinik” atau “dispensari” atau “hospital” atau sesuatu perkataan yang bersamaan dengan perkataan itu dalam sesuatu bahasa lain pada papan tanda di tempat amalannya yang berupa sebagai menjalankan amalan perubatan atau pembedahan sebagai seorang yang didaftarkan di bawah Akta ini; atau (g) menggunakan sesuatu simbol yang direka bentuk oleh Majlis untuk kegunaan pengamal perubatan berdaftar sahaja, melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(2) Bagi maksud subseksyen (1)—

- (a) pemakaian atau penggunaan oleh seseorang perkataan “dokter” atau “klinik” atau “dispensari” atau “hospital” atau sesuatu perkataan yang bersamaan dengan perkataan ini dalam sesuatu bahasa lain berhubung dengan menjalankan amalan perubatan atau pembedahan hendaklah disifatkan sebagai pemakaian atau penggunaan sesuatu nama, gelaran, tambahan atau perihalan yang dimaksudkan untuk mendorong seseorang mempercayai bahawa dia berkelulusan untuk menjalankan amalan perubatan atau pembedahan mengikut kaedah-kaedah sains yang moden; dan
- (b) tertakluk kepada peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan 36(2)(p), penggunaan oleh seseorang dalam menjalankan amalan perubatan atau pembedahan akan sphygmomanometer, stethoscope, hypodermic syringe atau alat lain yang digunakan khusus oleh orang yang berkelulusan menjalankan amalan perubatan atau pembedahan mengikut kaedahkaedah sains yang moden, hendaklah disifatkan sebagai penggunaan alat yang dimaksudkan untuk mendorong seseorang mempercayai bahawa dia berkelulusan untuk menjalankan amalan perubatan atau pembedahan mengikut kaedah-kaedah sains yang moden.

Lampiran B: Peraturan 3 (1986), Akta Perubatan 1971

**SCHEDULE
MEDICAL (INSTRUMENTS) (EXEMPTION)
REGULATION 1986
(Regulation 3)
TYPES OF INSTRUMENTS**

1. Surgical needles.
2. Injection needles.
3. Injection syringes.
4. Surgical sutures.
5. Surgical scissors.
6. Scalpel blades and handles.
7. Artery forceps, toothed and non-toothed dissection forceps, sinus forceps, tissue forceps, sponge holding forceps, and cheatle forceps.
8. Needle holder.
9. Aural syringe.
10. Aural speculae.
11. Auriscope.
12. Sphygmomanometer.
13. Stethoscope.
14. Laryngoscope.
15. Patella hammer.
16. Undine.
17. Nasal speculae.
18. Ryle's tube.
19. Urethral rubber catheter.
20. Manual Resuscitation set.
21. Portable oxygen unit.
22. Portable resuscitation unit including oxygen and suction unit.
23. Suction machine.
24. Electrocardiogram machine.
25. Tongue depressor.
26. Tongue forceps.
27. Air way.
28. Mouth gag.

Made the 4th September 1986.

Lampiran C: Contoh borang keizinan perawatan.

BORANG KEIZINAN RAWATAN

Sila baca maklumat ini dengan teliti. Rujuk kepada pengamal anda jika terdapat perkara yang tidak anda fahami.

<p>Apakah Pengubatan Islam?</p> <p>ia adalah satu ikhtiar penyembuhan penyakit jasmani dan rohani, oleh seorang Islam yang mahir dalam kaedah rawatan dengan menggunakan ayat Al-Quran, hadis, amalan salaf al-soleh, dan ulamak muktabar serta menggunakan kaedah-kaedah atau bahan-bahan yang dibenarkan syarak</p> <p>ia merupakan satu cabang usaha seorang pesakit dalam mencari kesembuhan penyakit serta permasalahan emosi atau rohani yang sedang dihadapi.</p> <p>ia bukanlah bertujuan untuk mengambil alih peranan rawatan alopati, tetapi merupakan pelengkap bagi rawatan yang diterima.</p> <p>ia juga sebagai rawatan sampingan untuk meneruskan ikhtiar, sambil berusaha bagi pesakit yang masih juga belum sembuh setelah berusaha melalui mana-mana kaedah rawatan perubatan.</p>	<p>Adakah terdapat maklumat-maklumat lain yang perlu dimaklumkan kepada pengamal?</p> <p>Selain daripada maklumat perubatan yang biasa, adalah amat penting bagi anda memberitahu pengamal sekiranya anda mengalami masalah masalah berikut:</p> <p style="text-align: center;">Sila tanda (√) yang berkaitan</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th></th> <th style="text-align: center;">Ya</th> <th style="text-align: center;">Tidak</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Penyakit senang berdarah seperti <i>Haemophilia</i></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Penyakit tulang rapuh seperti <i>Osteoporosis</i></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Masalah kulit</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Alahan kepada sebarang bahan/ubat</td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table>		Ya	Tidak	Penyakit senang berdarah seperti <i>Haemophilia</i>			Penyakit tulang rapuh seperti <i>Osteoporosis</i>			Masalah kulit			Alahan kepada sebarang bahan/ubat		
	Ya	Tidak														
Penyakit senang berdarah seperti <i>Haemophilia</i>																
Penyakit tulang rapuh seperti <i>Osteoporosis</i>																
Masalah kulit																
Alahan kepada sebarang bahan/ubat																
<p>PERAKUAN KEIZINAN</p> <p>Saya faham bahawa saya boleh bertanya sebarang soalan berkenaan rawatan saya sebelum menandatangani borang ini. Saya juga bebas untuk menarik balik keizinan yang saya berikan bagi memberhentikan penyertaan saya ke atas prosedur rawatan pada bila-bila masa. Prosedur-prosedur rawatan telah dijelaskan kepada saya dan saya faham atas penjelasan yang diberi. Dengan ini, saya secara sukarelanya bersetuju untuk menjalani prosedur-prosedur di atas. Saya juga memahami bahawa satu rekod perkhidmatan kesihatan saya akan disimpan. Rekod ini adalah sulit dan tidak akan didedahkan kepada sesiapa melainkan sekira ianya diarahkan oleh wakil saya, atau diri saya sendiri atau sebarang cara lain yang dibenarkan atau atas arahan mahkamah.</p>																
<p style="text-align: center;">PESAKIT/WARIS/PENJAGA</p> <p style="text-align: center;">..... Tandatangan</p> <p style="text-align: center;">..... Nama penuh</p> <p style="text-align: center;">..... No. Kad Pengenalan</p>	<p style="text-align: center;">SAKSI</p> <p style="text-align: center;">..... Tandatangan</p> <p style="text-align: center;">..... Nama Penuh</p> <p style="text-align: center;">..... No. Kad Pengenalan</p>															
<p>PENGAMAL Nama Penuh: Tandatangan:</p>	<p style="text-align: center;">TARIKH</p>															

Rujukan

1. Dato' Dr Haron Din. Konsep Perubatan Islam, Darussyifa.
2. Dato' Dr Haron Din. Pesanan Tuan Guru. <http://www.darussyifa.org/nasihatguru.php>
3. Dato' Dr Haron Din. Asas Pengubatan Darussyifa'. [http://www.darussyifa.org/AsasPengubatanDS_Iss1\(5-May-2006\).php](http://www.darussyifa.org/AsasPengubatanDS_Iss1(5-May-2006).php)
4. Ruqyah-Spiritual Healing. <http://www.missionislam.com/health/ruqyahrecitation.html>
5. Nurdeng Deuraseh. Using the Verses of the Holy Qur'an as Ruqyah (Incantation): The Perception of Malay-Muslim Society as an Alternative Way of Healing in Malaysia. *European Journal of Social Sciences*, Vol. 9, No.3 (2009).
6. Oren Asman. Qur'anic Healing for Spiritual Ailments: Between Tradition, Religious Law and Contemporary Law. *Medicine and Law*, 27:259-284 (2008).
7. Ciri-ciri Utama Ajaran Sesat. www.islam.gov.my/e-rujukan/ajaransesat.html
8. Pengantar Perubatan Islam dan Petua Melayu. <http://klinik-muallij.blogspot.com/>
9. Dato' Dr Haron Din, Ikhtiar Penyembuhan Penyakit Dengan Ayat-ayat dan Doa-doa Mustajab. Darussyifa', 2008.
10. Dr Amran Kasimin dan Dr Haron Din. Sebahagian daripada Rawatan Penyakit Dengan Ayat-ayat Al-Quran dan As-Sunnah. Percetakan Watan, 1989.
11. Dr Amran Kasimin dan Dr Haron Din. Sebahagian Gangguan Makhluq Halus Menurut Al-Quran dan As-Sunnah. Percetakan Watan, 1989.
12. Dr Amran Kasimin. Fadilat Ayat Al-Kursi Menurut Hadis dan Untuk Rawatan. Pustaka Al-Mizan, 1990.
13. Ibn Qayyim Al-Jawziyya. *Medicine of the Prophet*, translated by Penelope Johnstone. Islamic Texts Society, 1998.
14. Syeikh Abu Al Fida Muhammad. *Rawatlah Diri Anda Dengan Al-Quran*. Furqan enterprise, 1994.
15. Penggunaan lafaz-lafaz yang kurang jelas dengan tujuan jampi-jampi. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/penggunaan-lafaz-lafaz-yang-kurang-jelas-dengan-tujuan-jampi-jampi-0>

16. Amalan ilmu sihir. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/amalan-ilmu-hitamsihir-0>
17. Ajaran dan ilmu kebatinan, tahap diri (kuasa ghaib). <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/ajaran-dan-ilmu-kebatinan-tahap-diri-kuasa-ghaib-0>
18. Bersahabat dengan jin. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/bersahabat-dengan-jin>
19. Khurafat dan azimat menurut perspektif Islam. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/khurafat-dan-azimat-menurut-perspektif-islam>
20. Garis Panduan Perbomohan Menurut Islam. <http://www.islam.gov.my/e-rujukan/bomoh.htm>
21. Syaikh Salim Bin 'Eid Al-Halili, terjemahan oleh Abu Ihsan Al-atsari. Ensiklopedia Larangan: Menurut Al-Quran dan As-Sunnah (Jilid 3). Pustaka Imam Asy-Syafi'i, 2008.

AHLI JAWATANKUASA

1. AGENSI KERAJAAN

- Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari (BPTK)
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

2. AGENSI BUKAN KERAJAAN/PERSATUAN

- Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Darussyifa
- Persatuan Perubatan Islam Darussalam
- YASHFEIN Herbs Sdn. Bhd.
- Gabungan Pertubuhan Pengamal Perubatan Tradisional Melayu Malaysia (GAPERA)
- Persatuan Acu-Bekam Malaysia
- Pusat Rawatan Tradisional dan Komplimentari
- Pusat Rawatan Islam al-Manarah
- Persatuan Pengguna Islam Malaysia
- Pusat Rawatan Keraton
- Pusat Rawatan al-Hidayah
- Professional Islamic Support and Nurture Groups
- Pusat Rawatan Seiring Syariat

SIDANG EDITOR

Dr. Ramli Abd. Ghani

Pengarah

Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari
Kementerian Kesihatan Malaysia

En. Jaafar Lassa

Timbalan Pengarah

Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Shamsaini Bt. Shamsuddin

Ketua Penolong Pengarah Kanan

Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Nur Hidayati Binti Abdul Halim

Ketua Penolong Pengarah

Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pn. Nur Hazirah Binti Kamarudin

Penolong Pengarah

Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari
Kementerian Kesihatan Malaysia

Nota :

Copyright BPTK, MOH

Nota :

Copyright BPTK, MOH



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**Bahagian Perubatan Tradisional
dan Komplementari**

Blok E, Jalan Cenderasari,
50590 Kuala Lumpur,
Malaysia

Tel: 03-2698 5077

Fax: 03-2691 1259

Website: <http://tcm.moh.gov.my>

Email: tcm@moh.gov.my

ISBN 978-967-10715-1-9



9 789671 071519